

NO. SOALAN: 136

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

SOALAN :

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perancangan Kerajaan terhadap status pekerja awam kontrak di setiap Kementerian.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan pelantikan kontrak adalah bagi tujuan dan tempoh tertentu, Kerajaan tidak meletakkan komitmen pegawai akan dilantik atau diserap ke jawatan tetap.

Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa, Kerajaan membantu pegawai lantikan kontrak yang akan menghadiri sesi temu duga bagi tujuan pelantikan secara tetap seperti melalui program pementoran yang disediakan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan. Pegawai juga didedahkan dengan program latihan bagi meningkatkan kompetensi dalam bidang pekerjaan masing-masing.

Sekian. Terima kasih.